KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU KANDUNGAN NITRIT DALAM PRODUK SOSEJ DI THAILAND

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan oleh *Food and Drug Administration* (FDA), Thailand mengenai produk sosej yang diuji mengandungi nitrit melebihi paras yang dibenarkan oleh FDA Thailand. Ujian tersebut dilakukan selepas 14 orang kanak-kanak mengalami *methemoglobinemia* iaitu sejenis penyakit gangguan darah selepas makan sosej tersebut di negara Thailand.

Nitrit adalah sejenis bahan pengawet makanan yang sering digunakan dalam produk hasilan daging bagi merencatkan pertumbuhan bakteria di samping menyerlahkan warna makanan. Pengambilan nitrit pada kadar yang berlebihan, boleh menyebabkan seseorang itu cepat merasa letih dan penat, sukar untuk bernafas, pening dan sakit kepala, berdebar-debar dan kelihatan pucat.

Di Malaysia, produk hasilan daging (*manufactured meat*) seperti sosej boleh mengandungi nitrit pada paras tidak melebihi 80mg/kg selaras dengan standard antarabangsa Codex. Sehingga kini, sebanyak 207 sampel produk hasilan daging termasuk sosej telah diambil di pasaran tempatan dan pintu masuk bagi tujuan analisis tahap kandungan nitrit. Hasil analisis yang telah dijalankan, kesemua sampel sosej didapati mematuhi tahap yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, BKKM sedang

mendapatkan maklumat lanjut dari pihak kedutaan Thailand berkenaan produk sosej yang terlibat.

Bagi melindungi kesihatan pengguna, KKM akan meneruskan pemantauan keselamatan makanan di pasaran tempatan dan pintu masuk negara agar ianya mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Pengguna pula boleh menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau melalui laman web http://moh.spab.gov.my atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan www.facebook.com/bkkmhq sekiranya mempunyai lain-lain isu berkaitan keselamatan makanan.

MOHD. SALIM BIN HJ. DULATTI
PENGARAH KANAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

17 MAC 2022